

23 SEP 2002

KLCS-BAJET/I

KL CITY SECURITIES PUJI STRATEGI DAN LANGKAH-LANGKAH DALAM BAJET

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Firma broker saham peneraju, Kuala Lumpur City Securities Sdn Bhd (KLCS) memuji strategi dan langkah-langkah yang diumumkan dalam Bajet 2003 dan menyifatkannya sebagai anjakan paradigma jentera pertumbuhan.

Laporan firma itu mengenai strategi pasaran berhubung dengan Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat Jumaat lalu, telah diedarkan kepada pelanggan-pelanggannya hari ini.

Ia menegaskan bahawa "pertimbangan yang berat telah diberikan bagi mencari keseimbangan di antara memastikan pertumbuhan pembangunan yang mencukupi tetapi pada masa yang sama tidak bertolak ansur dari segi kedudukan kewangan kerajaan."

Tumpuan strategi serampang empat mata dalam Bajet itu termasuklah peningkatan pelaburan domestik dalam semua sektor yang ada potensi pertumbuhan serta mengenal pasti dan menceburi bidang-bidang kepakaran dalam sektor-sektor perkhidmatan, pertanian dan pembuatan.

Ia juga bertujuan memperkukuhkan kewangan sektor awam dan mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan awam serta memupuk masyarakat yang maju dan harmoni, yang mengamalkan nilai-nilai murni yang tinggi serta memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia terpelihara, khususnya rakyat luar bandar.

KLCS berkata, lebih penting lagi, bajet yang masih bersifat mengembang itu, pada tahap yang menyederhana, memperlihatkan iltizam kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskalnya secara beransur-ansur tanpa memberi bebanan yang tidak perlu kepada syarikat dan rakyat dengan menaikkan cukai.

"Sebaliknya, memandangkan keadaan perdagangan global yang semakin turun naik (terutamanya di AS), kerajaan telah merangka rancangan jangka panjang untuk memesatkan kegiatan domestik agar ekonomi negara tidak terlalu bergantung kepada perdagangan."

Ia menambah kata bahawa sesungguhnya, Bajet 2003 tidak membebankan malah mesra rakyat dan menyediakan strategi pertumbuhan jangka panjang.

Firma itu menegaskan bahawa walaupun Bajet 2003 kelihatan seolah-olah tidak memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat besar dan pelaburan langsung asing (FDI), "oleh kerana tiada penurunan cukai korporat, namun ia sekali-kali bukan Bajet yang tidak mesra korporat."

Pertamanya, galakan-galakan sahaja tidak menjamin peningkatan kegiatan pelaburan oleh syarikat-syarikat kerana dinamik permintaan dan penawaran dalam semua bidang memberi pengaruh yang lebih besar," tegasnya.

Kedua, bagi FDI, galakan cukai sahaja tidak merupakan faktor terbesar dalam menarik FDI tetapi memupuk tenaga kerja yang lebih mahir melalui pendidikan yang lebih baik dan mempunyai industri-industri IKS sokongan yang teguh juga sama pentingnya, katanya.

KLCS menegaskan bahawa sekali pandang, Bajet 2003 nampak seolah-olah kekurangan langkah-langkah mikro yang dijangkakan, tetapi sebenarnya ia tidak kurang tumpuan kerajaan, malah kenyataan-kenyataan dalam ucapan Bajet tersebut memperlihatkan dengan jelas anjakan strategi pertumbuhan kerajaan bagi memesatkan kegiatan ekonomi domestik selain daripada mempertingkatkan perdagangan antarabangsa.

KLCS berkata, hakikat bahawa ini adalah satu lagi bajet mengembang, tidaklah menghairankan, malah ia merupakan yang keenam seumpamanya sejak krisis kewangan dalam tahun-tahun 1997-1998, dan masih menyokong

pertumbuhan.

"Pada pendapat kami, membiayai defisit ini bukanlah satu masalah kerana tahap hutang kerajaan pusat masih terkawal dan kebanyakan sumber pembiayaan diperoleh di dalam negara.

"Juga, hutang awam dari segi peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) adalah kira-kira 70-80 peratus pada awal tahun-tahun 1990-an. Masih ada banyak ruang untuk mendapatkan sumber bagi pembiayaan dalam dan luar negara."

KLCS merasakan bahawa kerajaan telah mengamalkan dasar kewangan berhemah, yang sekali lagi memperlihatkan iltizamnya untuk mengurangkan defisit secara beransur-ansur menjelang tahun 2005.

Ini sepatutnya dapat mengurangkan tohmahan bahawa kerajaan bersikap "boros", katanya. -- BERNAMA

MAG SD KY OS